

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kesan program Minggu Sains Negara terutama dalam meningkatkan minat rakyat Malaysia khususnya para pelajar terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jemaah Menteri pada 13 Disember 2017 telah bersetuju supaya Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) menganjur dan menyelaras Minggu Sains Negara di seluruh negara setiap tahun dengan objektif :-

- (i) Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan STI dalam kehidupan seharian;
- (ii) Menarik minat dan meningkatkan bilangan pelajar yang memilih jurusan STEM selaras dengan agenda STEM Negara; dan

- (iii) Menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan kejayaan dalam bidang sains.

Tuan Yang di-Pertua,

Minggu Sains Negara 2019 adalah merupakan kali kedua penganjurannya bertemakan “Sains Untuk Kesejahteraan”. Dilaksanakan secara dua fasa iaitu fasa pertama pada 1 hingga 7 April 2019 melibatkan empat negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Fasa kedua pula telah dilaksanakan pada 2 hingga 9 Ogos 2019 di sepuluh buah negeri yang lain iaitu di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang. Penganjuran Minggu Sains Negara 2019 telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Jumlah keseluruhan pengunjung yang dicatatkan adalah seramai 928,206 berbanding dengan tahun 2018 yang melibatkan seramai 88,000 orang sahaja. Jumlah ini menunjukkan peningkatan penglibatan hampir 11 kali ganda berbanding pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai program interaktif yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan orang awam telah diadakan. Antara program yang dilaksanakan ialah seperti eksperimen makmal, *science show*, *boat plogging*, *plogging run*, cabaran robot, cabaran drone, *stargazing*, pertandingan sains dan inovasi, kempen plastik sekali guna dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Penganjuran program Minggu Sains Negara secara keseluruhannya telah berjaya menarik minat penglibatan pelajar-pelajar sekolah yang signifikan. Berdasarkan kepada sambutan dan penyertaan yang menggalakkan khususnya daripada golongan pelajar dan belia di seluruh negara terhadap pertandingan yang diadakan seperti cabaran robotik, drone, pertandingan sains dan inovasi, pertandingan roket air dan lain-lain, secara umumnya, Minggu Sains Negara dapat membantu dan menyumbang kepada peningkatan minat rakyat Malaysia khususnya para

NO. SOALAN : 3

pelajar terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Program ini akan terus dilaksanakan sebagai program tahunan Kementerian dalam usaha pembudayaan ESTECC serta memupuk minat masyarakat khususnya pelajar-pelajar sekolah dalam bidang STEM.

Sekian, terima kasih.